

# Murid SK Sungai Bedaun diraikan oleh Malaysia Airport Labuan



**Labuan** – Seramai empat belas murid Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun (SKSB) diraikan dalam Majlis Ceria Aidilfitri anjuran Malaysia Airport Labuan (MAL) di Lapangan Terbang Labuan pada 19 Jun lalu.

Majlis Ceria Aidilfitri diadakan saban tahun bagi meraikan sambutan Aidilfitri di kalangan staf serta tetamu jemputan. Dalam majlis berkenaan turut disampaikan sumbangan raya kepada empat belas murid SKSB. Mereka terdiri daripada anak yatim dan asnaf daripada tahun satu hingga tahun enam.

Puan Dg. Sarifah Binti A. Mahmod, Guru Besar SKSB melahirkan rasa syukur dan merakamkan ucapan terima kasih kepada Malaysia Airport Labuan kerana memilih anak-anak

SKSB untuk diraikan di dalam majlis tersebut.



Datuk Rozman (berdiri tiga dari kanan), Puan Lindayani (berdiri dua dari kanan), Encik Amat (berdiri dari kiri), Puan Dg. Sarifah (berdiri empat dari kanan) bergambar kenangan bersama penerima sumbangan Malaysia Airport Labuan dan guru pengiring.

“Saya sungguh terharu di atas jemputan untuk anak-anak SKSB. Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak mampu memberi kedamaian buat anak-anak yatim dan asnaf yang kita raikan. Harapan saya semoga kerjasama di antara Malaysia Airport Labuan dengan SKSB dapat diteruskan di masa akan datang. Kami juga amat berbesar hati sekiranya pihak Malaysia Airport sudi menjadikan SKSB sebagai anak angkat bagi program kecemerlangan Pendidikan”. Katanya ketika ditemui dalam majlis jamuan raya tersebut.

Pelbagai juadah yang enak disediakan oleh pihak urusetia. Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan gerai-gerai yang menyediakan pelbagai juadah raya yang sungguh menyelerakan.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Datuk Rozman Bin

Isli, Ahli Parlimen Labuan, Encik Amat Bin Madin Pengurus MAL, Puan Lindayani Binti Tajudin, Ketua Bahagia Penerokaan Luar Negara Malaysia Airports serta tetamu jemputan.



*Murid-murid yang diraikan bersama guru pengiring dan kakitangan Malaysia Airport Labuan bergambar seusai Majlis Ceria Aidilfitri.*